

# Sembilan beradik bersyukur atas kemenangan Musa

**JOHOR BAHRU, Ahad** — Sembilan orang adik beradik Timbalan Presiden UMNO yang baru bersyukur ke hadirat Allah kerana a m e m b e r i kemenangan besar kepada Datuk Musa Hitam dalam pilihanraya UMNO di Kuala Lumpur semalam.

"Di s a m p i n g bersyukur, kami bangga, sekurang-kurangnya seorang dari kami berjaya menjadi pemimpin dan orang nombor dua penting dalam negara waktu ini," kata Datin Hajjah Zaleha Hitam, hari ini.

Datin Hajjah Zaleha, kakak kepada Datuk Musa mengaku, beliau dan adik beradik yang lain merasa gembira s e m a s a m e n a n t i keputusan pilihanraya Jawatan Timbalan Presiden UMNO.

"Hati dan perasaan kami lega, tepat jam 6 petang, seorang keluarga di Kuala Lumpur menelefon memberitahu tentang kejayaan Datuk Musa. Di masa itu, tiada kata yang dapat kami lafakan kecuali bersyukur

kepada Allah yang meredai kejayaan Datuk Musa," kata beliau.

Ditanya apakah perasaan beliau dan adik beradik yang lain jika Datuk Musa gagal, Datin Hajjah Zaleha berkata: "Kami adik beradik tidak akan merasa kecewa, kerana itu adat perbandingan dan kami tetap bersyukur ke hadirat Allah kerana limpah kurnia-Nya."

Datuk Musa mempunyai sepuluh orang adik beradik. Beliau adalah anak kesembilan. Adik beradik beliau ialah bekas Pengerusi UDA, Tan Sri Yaakub, Hajjah Zainah, Hajjah Zabedah, Enik Abdul Kadir, Enik Isa, Enik Yahya, Datin Hajjah Zaleha, Puan Fatimah dan Enik Abdul Rahman (Allahyarham).

Menurut Datin Hajjah Zaleha, beliau adik beradik berharap kejayaan ini akan menggalakkan Datuk Musa menjalankan tugas memimpin negara dengan cekap dan lebih berhati-hati, kerana tugas yang beliau pegang adalah amanah rakyat.

Katanya, semasa ke-

cil, Datuk Musa tidak melihatkan bakat seorang pemimpin. Beliau pendiam, "sepatah ditanya, sepatah dijawabnya."

Namun begitu, beliau pintar dalam pelajarannya.

Beliau berkata lagi, kejayaan Datuk Musa sedikit sebanyak akan menjasakan ikatan keluarga mereka: "Semasa menjadi Menteri Pelajaran susah kami bertemu dengannya, inikan pula sekarang."

Kepintaran Datuk Musa semasa di Sekolah Rendah Tambatan Tinggi dan Maktab Sultan Abu Bakar di bandar ini banyak disokong oleh s e o r a n g s e m a s a sekolahnya, seorang ahli perniagaan, Syed Abdul Hamid Al Attas.

Menurutnya, Beliau bukan sahaja pintar dalam pelajaran tetapi aktif dalam kegiatan sekolah. "debat-mendebat dalam perbahasan adalah kegemarannya."

Pengetua Maktab Sultan Abu Bakar, di mana beliau pernah menuntut dari tahun 1949 hingga 1953, Enik Abdul

Rahman Basir berkata, maktab tersebut bangga dengan kejayaan Datuk Musa.

Kejayaan Beliau adalah kejayaan maktab tersebut yang setakat ini telah melahirkan ramai pemimpin negara, antaranya, Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Dr. Ismail.

Sementara itu, dalam satu tinjauan di sini, didapati di mana sahaja, baik di Ibupejabat UMNO, pejabat-pejabat kerajaan dan swasta malah di kedai-kedai kopi, orang ramai masih memperkatakan tentang pemilihan Datuk Musa sebagai Timbalan Presiden UMNO.

Mereka menyifatkan kejayaan beliau sebagai "sudah kena pada tempatnya" dan bersyukur kepada Allah kerana membolehkan tiga anak Johor memegang teraju negara, Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, bekas Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Dr. Ismail dan sekarang Datuk Musa Hitam.



■ DATIN HAJJAH ZALEHA HITAM